

Kerajaan perlu bertindak tegas terhadap petualang hina Islam di laman sosial

SESUATU yang amat menyedihkan apabila perbuatan menghina agama Islam melalui provokasi di laman sosial semakin berleluasa. Ternyata, tindakan ini adalah satu perbuatan yang amat tidak bertanggungjawab, biadab, boleh mengganggu gugat ketenteraman negara dan memberi kesan mendalam kepada umat Islam. Perasaan umat Islam terluka dan berasa terhina kerana agama suci mereka dipermainkan. Dalam apa keadaan pun, perbuatan menghina Islam tidak wajar berlaku.

Isu agama adalah isu sensitif. Justeru, jika agama mudah dipermainkan melalui provokasi pihak yang sengaja menimbulkan keresahan dan menaikkan sensitiviti umat Islam, pihak berkuasa wajar mengenakan tindakan tegas terha-

dap mereka dan tidak sekadar memberi amaran. Jika terus berlembut, ia memberi petunjuk bahawa tindakan menghina agama diterima. Kesannya, semakin banyak pihak berani mempersoalkan kesucian agama Islam.

Dalam konteks apa pun, tiada individu atau pihak yang boleh secara biadab mempersoalkan kedudukan agama Islam, demi kepentingan peribadi mereka. Isu agama bukanlah perkara yang boleh diambil mudah, dipermainkan dalam apa juga bentuk. Dengan pihak berkuasa bertindak tegas, diharapkan tidak ada lagi pihak yang berani membuat provokasi terhadap kesucian agama Islam.

Di Malaysia, semua pihak perlu menerima hakikat Islam adalah agama rasmi negara ini seperti

yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan tidak boleh diubah. Ia diperuntukkan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (1) Perkara 3. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Islam adalah agama rasmi Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman di mana-mana bahagian Persekutuan.

Langkah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom yang sedang berbin-cang dengan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM); Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta polis bagi mengesan individu menghina Islam melalui Facebook amat ber-

tepatan. Sudah tiba masanya, hukuman setimpal perlu diambil terhadap petualang yang begitu mudah mempermainkan kesucian agama.

Di samping itu, umat Islam di negara ini perlu bersatu hati mempertahankan kesucian agama Islam. Sikap mudah terpengaruh dengan agenda pihak tertentu yang cuba melaga-lagakan umat Islam termasuk melalui laman sosial di internet perlu dijauhi. Bertindak secara rasional dan mengikut lunas undang-undang lebih memberi kesan positif dalam memperjuangkan kesucian agama Islam.

**PROF MADYA
DATIN DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).*